



MOHD. Zulfadli ketika menjalani latihan di Kazan, Rusia, baru-baru ini.

Zulfadzli meniti puncak kejayaan

Menjadi atlet Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang berjaya beraksi di dua kejohanan sukan mendayung dunia

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

DALAM tempoh lima tahun sejak bergelar atlet sukan mendayung (rowing), Mohd. Zulfadli Rozali, sudah menyambur banyak kejuaraan mencipta kejayaan dalam dunia sukan tersebut.

Tahun 2013 telah membuktikan pelajar elajar Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia mencapai kegemilangan apabila menjadi atlet UTHM yang telah beraksi di Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2013 yang telah berlangsung di Kazan, Rusia dan World Rowing Championship 2013 yang

berlangsung di Chendju, Korea Selatan.

Penyertaan Mohd. Zulfadli dalam kedua-dua kejohanan ini telah berjaya menempatkan beliau di kedudukan ke-22 dunia bagi acara Men Single Scull Light Weight.

Kejayaan beliau di peringkat antarabangsa berjaya menjulang nama UTHM sebagai pelopor pembangunan sukan mendayung peringkat Institusi Pengajian Tinggi dan kebangsaan. Beberapa siri kejayaan Mohd. Zulfadli banyak membantu pasukan UTHM mencipta koleksi kejayaan seawal penglibatan beliau dalam sukan ini.

Selain daripada menyertai kejohanan jemputan peringkat antarabangsa, Mohd. Zulfadli juga telah menyumbangkan pingat emas

dalam acara Single Scull dan pingat perak dalam acara Men's Boat 8+ dalam kejohanan Varsity Boat Race 2013 yang telah membantu Pasukan Malaysia meraih Juara Keseluruhan dalam kejohanan tersebut.

Mohd. Zulfadli Rozali juga telah mewakili Malaysia dalam Sukan SEA 2013 yang telah berlangsung di Myanmar baru-baru ini bersama seorang lagi atlet UTHM iaitu Syed Muhammad Iskandar Putra.

Syed Muhammad merupakan atlet yang sedang mencipta nama dalam sukan ini telah membantu kontinjen SUKMA Terengganu meraih 2 pingat emas dalam SUKMA 2013 menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan di UTHM dan seterusnya melestarikan UTHM dalam dunia sukan IPT.